

## Malaysia, Singapura sepakat benar perjalanan udara, darat

Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my



Khairy (kiri) berbincang bersama Ong ketika menerima kunjungan hormat di Putrajaya. FOTO MOHD FADLI HAMZAH

Kuala Lumpur: Malaysia dan Singapura mencapai kata sepakat bagi membenarkan semula perjalanan udara dan darat sepenuhnya untuk individu yang lengkap menerima vaksinasi Covid-19 dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, perkara itu antara yang menjadi fokus dalam perbincangan antara beliau dan rakan sejawatnya dari republik berkenaan, Ong Ye Kung, hari ini.

"Kami mengadakan perbincangan yang baik mengenai situasi pandemik di kedua-dua negara.

"Kami bersetuju keadaan sudah stabil dan kita boleh bekerjasama (sedia membenarkan) dengan segera ke arah penyambungan semula perjalanan udara dan darat sepenuhnya untuk mereka yang diberi vaksin lengkap," katanya menerusi ciapan di Twitter rasmi beliau, hari ini.

Terdahulu Khairy menyambut ketibaan Ong dan delegasinya ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Putrajaya bagi membincangkan perkara berkenaan.

Khairy berkata, perbincangan berkenaan antara lain memperincikan pembukaan semula kedua-dua sempadan negara dengan selamat di kala kes Covid-19 masih meningkat.

Ong menerima pelawaan Khairy untuk membincangkan perkara itu sempena tiga hari lawatan rasmi beliau ke negara ini bermula hari ini.

Pada 8 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan, Malaysia bersetuju membuka sempadan negara sepenuhnya pada 1 April ini.

Bagaimanapun, Khairy sebagai dipetik berkata, Singapura belum bersedia membuka sempadan mereka sepenuhnya dan meminta Malaysia menunggu terlebih dahulu.

Khairy juga berkata, perincian mengenai prosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan negara termasuk udara dan laut akan diumumkan dalam masa terdekat.